

Petikan Ucapan YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI):

Mengulas kepentingan pertukaran MOU, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, dalam ucapannya menekankan bahawa kerjasama strategik antara MIDA dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030. Beliau berkata “Pendidikan bakat merupakan elemen penting dalam ekosistem pembangunan industri dan kemajuan ekonomi negara. Bagi memenuhi permintaan pesat industri, MOU di antara MIDA dan KPT bertujuan membangunkan modal insan yang bukan sahaja berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal, bahkan mempunyai kemahiran adaptif terhadap perubahan iklim ekonomi global. Tenaga kerja yang terlatih dan berdaya saing adalah kunci kepada kejayaan NIMP 2030, dan kerjasama strategik bersama KPT ini merupakan satu pemangkin kepada industri Malaysia yang lebih berdaya tahan di peringkat global.”

Tambah beliau “MITI dan MIDA memainkan peranan yang penting dalam menyelaraskan dan memudahcara proses perjalanan pelabur di peringkat persekutuan dan negeri, termasuk dalam penyediaan tenaga mahir. Bagi tempoh 2021 - 2023, sebanyak 150,000 peluang pekerjaan telah dicipta melalui 2,386 projek pengilangan yang diluluskan, di mana lebih 81% telah dilaksanakan. Sebahagian besar dari peluang ini adalah untuk bakat mahir yang bergaji tinggi untuk rakyat Malaysia. Momentum ini perlu dikekalkan dan pemeteraian MOU ini amat penting dalam memfasilitasi keperluan guna tenaga industri sama ada oleh pelabur asing maupun pelabur tempatan.”

Petikan Ucapan YB Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi (KPT):

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir dalam ucapannya berkata, “MOU antara KPT dengan MIDA ini adalah sebahagian usaha bagi menangani isu ketidakpadanan antara kemahiran yang dimiliki oleh tenaga kerja kita dan keperluan industri. Melalui kerjasama ini, MIDA akan membekalkan maklumat mengenai keperluan tenaga kerja oleh pihak industri terutama pelabur asing dan tempatan supaya KPT dan institusi pendidikan tinggi dapat membuat persediaan dan perancangan bagi memenuhi keperluan tersebut.

Melalui akses kepada maklumat yang tepat, kita boleh memastikan penghasilan bakat oleh institusi pendidikan tinggi adalah responsif kepada keperluan pasaran kerja yang semakin berkembang. Kelebihan ini perlu dimanfaatkan bagi menyelaraskan proses pemanfaatan bakat, mengurangkan ketidakcekapan dan menghubungkan individu dengan peluang yang sejajar dengan kebolehan dan aspirasi mereka” ulasnya lanjut.